

BERITA HARIAN

DATE: 27/ 11 / 2008

# BPR tunggu 'senarai nama' Dr M

BH - 27/11/2008

## Pertemuan untuk maklumat mereka terbabit politik wang pada pemilihan Umno

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaffar@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menemui bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung senarai nama ahli Umno yang terbabit dalam politik wang, dalam masa terdekat ini.

Pengarah Siasatannya, Datuk Shukri Abdull, berkata pertemuan itu akan dibuat sebaik saja Dr Mahathir yang juga bekas Presiden Umno selesai menyenarai penuh nama mereka yang terbabit.

"Kita mengambil langkah proaktif untuk mendapatkan senarai nama terbabit daripada beliau untuk membantu siasatan mengenai pembabitan ahli Umno dalam politik wang," katanya di sini semalam.

Minggu lalu, Dr Mahathir mendakwa mempunyai senarai nama ahli Umno yang terbabit dengan politik wang, termasuk calon bertanding jawatan pada pemilihan parti Mac depan, serta akan mendedahkan senarai itu di laman webnya [www.chedet.com](http://www.chedet.com), selepas mendapat bukti kukuh bagi menyokong dakwaan berkenaan.

**“ Kita mengambil langkah proaktif untuk mendapatkan senarai nama terbabit daripada beliau untuk membantu siasatan mengenai pembabitan ahli Umno dalam politik wang ”**

**Shukri Abdull**  
Pengarah Siasatan BPR

Pada masa sama, katanya, beliau juga akan menyerahkan senarai nama berkenaan kepada Lembaga Disiplin Umno untuk tindakan susulan.

Sementara itu, sumber Umno ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan mengenai penggunaan politik wang oleh beberapa calon yang bertanding jawatan Ketua Pemuda dan Puteri Umno.

"Namun, kita tidak ada menerima laporan berkaitan amalan politik wang bagi jawatan Ketua Wanita dan Timbalan Presiden Umno,"

katanya, tetapi enggan mengulas lanjut.

Akhbar sebelum ini turut memetik Dr Mahathir sebagai berkata, beliau percaya ada calon jawatan Timbalan Presiden menggunakan wang bagi mendapatkan pencalonan untuk melayakkannya bertanding pada pemilihan parti, Mac depan.

Beliau berkata, kemungkinan itu besar kerana ada calon yang sudah ketinggalan pada peringkat awal persidangan perwakilan Umno bahagian tiba-tiba mendapat banyak pencalonan sehingga layak bertanding.